

## Ketaksepadanan Pekerjaan dan Inflasi Pendidikan (Occupational Mismatch and Educational Inflation)

Zulkifly Osman

Hazrul Izuan Shahiri

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

*Pelaburan berlebihan dalam pendidikan tidak hanya menambahkan penganggur berpendidikan, tetapi boleh turut menghasilkan ketaksepadanan pekerjaan kesan daripada pekerja terpaksa menerima pekerjaan dengan keperluan kelayakan yang lebih rendah daripada kelayakan yang dimiliki. Fenomena ini boleh mencetuskan inflasi pendidikan apabila kadar pulangan bersih pendidikan menjadi negatif. Seramai 1,117 pekerja di Selatan Semenanjung Malaysia, iaitu meliputi negeri Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan telah diambil sebagai sampel soal selidik pada tahun 2011/2012 bagi menguji fenomena tersebut. Hasil soal selidik menunjukkan berlaku fenomena ketaksepadanan pekerjaan dalam pasaran buruh. Hasil penganggaran terhadap fenomena ini berasaskan ubahsuai model pendapatan Mincer (1974) menunjukkan bahawa kadar pulangan terhadap pendidikan merosot dan menjadi negatif dan boleh diterjemahkan sebagai potensi berlakunya inflasi pendidikan.*

*Kata kunci: Ketaksepadanan pekerjaan; inflasi pendidikan; terlebih didik; kadar pulangan pendidikan dan pasaran buruh*

### ABSTRACT

*Excessive educational investment not only will lead to an increase in the number of educated unemployed but also will create occupational mismatch as a result of being employed in occupations where the level of education is lower than their own education level. This phenomenon can create educational inflation if the net rate of return to education is negative. A total sample of 1,117 employees in Southern Peninsular Malaysia covering the states of Johor, Malacca and Negeri Sembilan were collected in a 2011/2012 survey to test this phenomenon. The results show there is indeed a phenomenon of occupational mismatch in the labour market. The estimated results on this phenomenon based on modified income model of Mincer (1974) show that the rate of return to education has declined and being negative, which could translate into a potential of educational inflation.*

*Keywords: Occupational mismatched; educational inflation; over education; rate of return to education; labour market*

### PENGENALAN

Pendidikan seperti yang diujahkan dalam Teori Modal Manusia (Becker 1964) boleh meningkatkan produktiviti dan akhirnya boleh memberi kesan positif terhadap pendapatan individu. Tegasnya, mengikut teori ini pendidikan mempunyai hubungan positif dengan pendapatan. Hujah ini telah memberi harapan dan jalan kepada pembuat dasar bagi membantu kumpulan berpendapatan rendah termasuk mereka yang bergelar miskin menambahkan pendapatan. Bukti empirik terhadap hujah berkenaan memang banyak. Kajian demi kajian terhadap kadar pulangan pendidikan sama ada di negara maju (Mincer 1974; Psacharopoulos 1981 & 1985; Card 1979, 1995 & 1999; Card & Krueger 1992; Ashenfelter & Krueger 1994; Garcia & Gomez 2005) mahupun di negara membangun (Mubyarto 1991; Johnson & Chow 1997; Liu 1998; Siphambe 2000; Duraisamy 2002; Li 2003 dan Hawley 2004) termasuk Malaysia (Hoerr 1973; Lee 1980, 1989, 1992

& 1995; Blau 1986; Ruppert 1998 dan Chung 2000, 2003 dan 2004, Zulkifly 2010 dan Rahmah et al. 2011) menunjukkan wujud hubungan positif antara pendidikan dengan pendapatan atau upah pekerja. Terdapat juga kajian dengan hasil yang sama melibatkan perbandingan campuran banyak negara, seperti dalam Trostel et al. (2002); Brunello & Comi (2004); Psacharopoulos & Patrinos (2004) dan Patrinos & Psacharopoulos (2010). Oleh itu, walaupun pelaburan dalam pendidikan yang bermula daripada peringkat prasekolah sehingga ke peringkat pendidikan tertinggi memerlukan perbelanjaan yang besar, namun matlamat untuk menyediakan individu sebagai tenaga kerja berkualiti dan lebih penting lagi meningkatkan pendapatan mereka yang berpendapatan rendah menyebabkan pelaburan pendidikan diteruskan. Pendorong utama ialah peningkatan pendapatan dan seterusnya kualiti hidup individu dan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, pelaburan dalam pendidikan adalah perlu dan menguntungkan.



Kemantapan teori berasaskan bukti kajian yang begitu banyak ini tidak bermakna bahawa kajian seterusnya tidak lagi perlu dijalankan. Sebaliknya masih banyak lagi isu yang berkaitan yang belum terjawab daripada segi teori dan kajian berkenaan. Satu daripadanya yang terpenting ialah andaian yang tersirat dalam modal penganggaran pendapatan Mincer (1974) yang banyak digunakan sebagai asas bagi ujian teori berkenaan, iaitu andaian wujud kesepadanan pekerjaan. Sedangkan dalam realiti, tidak semua pekerja bekerja dalam pekerjaan yang mempunyai kelayakan sepadan dengan keperluan pekerjaan. Akibatnya, pulangan pendidikan juga pasti akan berbeza. Inilah aspek baru yang cuba diterokai dalam penulisan ini.

Penulisan artikel ini dibahagikan kepada lapan bahagian termasuk pengenalan. Bahagian kedua membincang tentang isu ketaksepadanan pekerjaan dan implikasinya terhadap pulangan pendidikan. Bahagian ketiga membincang tentang perkembangan terkini sistem pendidikan di Malaysia. Bahagian keempat ditumpukan kepada asas teori berkait dengan pulangan pendidikan khususnya dalam konteks 'terlebih didik' dan 'inflasi pendidikan'. Bahagian kelima menjurus kepada kaedah penganggaran dan sumber data. Bahagian keenam membincang tentang metodologi kajian. Bahagian ketujuh ditumpukan kepada huraian dan perbincangan mengenai hasil kajian. Bahagian terakhir merupakan rumusan hasil kajian.

#### ISU KETAKSEPADANAN PEKERJAAN DAN INFLASI PENDIDIKAN

Antara faktor penting yang menentukan keboleherjaan seseorang individu ialah tahap pendidikan. Individu yang mempunyai tahap pendidikan tinggi lebih mudah untuk mendapatkan pekerjaan dan pekerjaannya juga berpendapatan lumayan dan terjamin. Individu yang berpendidikan rendah sebaliknya lebih sukar untuk mendapatkan pekerjaan dan jika berjaya, pendapatan yang diterima adalah rendah. Apakah ini bermakna bahawa setiap individu, malah negara juga perlu lebih banyak berbelanja untuk meningkatkan pelaburan dalam pendidikan. Jika tindakan ini menyebabkan penawaran tenaga buruh berpendidikan bertambah begitu cepat terutama sekali apabila tindakan serupa diambil oleh semua individu, adakah pelaburan dalam pendidikan terus dapat menjanjikan peningkatan dalam pulangan? Jika dilihat secara sepintas lalu pembentukan model Mincer (1974) untuk tujuan penganggaran bagi kadar pulangan terhadap pendidikan, hakikat bahawa pulangan pendidikan bertambah apabila pendidikan meningkat memang payah untuk ditolak. Namun kajian-kajian terbaru hasil dari perbandingan antara negara menunjukkan tanda-tanda yang kurang menyenangkan mengenai hakikat tersebut (Psacharopoulos & Patrinos 2004 dan Patrinos & Psacharopoulos 2010).

Dalam kajian Psacharopoulos & Patrinos (2004) umpamanya ditemukan dua rumusan menarik, iaitu pertama kadar pulangan pendidikan merosot mengikut masa dan kedua kadar pulangan pendidikan bagi negara-negara maju lebih rendah berbanding dengan negara-negara membangun. Tegasnya dalam kajian berkenaan ditunjukkan bahawa kadar pulangan terhadap pendidikan tidak senentiasa meningkat walaupun purata pulangan setiap tambahan tahun persekolahan kekal positif, iaitu sekitar 10%. Dalam kajian yang sama, perbandingan mengikut masa daripada kajian-kajian terdahulu menunjukkan dalam tempoh 12 tahun purata kadar pulangan pendidikan telah merosot sebanyak 0.6 mata peratusan. Kadar pulangan pendidikan juga berhubung secara negatif dengan tingkat pencapaian ekonomi sesebuah negara. Kadar pulangan pendidikan di negara maju seperti di OECD adalah lebih rendah berbanding dengan hasil kajian yang diperoleh bagi negara membangun seperti di Afrika dan Asia. Memandangkan purata tahun persekolahan telah meningkat, maka secara teori, dengan andaian yang lain tetap, penambahan penawaran pendidikan atau bilangan mereka yang berpendidikan telah menyebabkan kadar pulangan pendidikan berkurangan. Implikasi yang tersirat daripada hasil kajian Psacharopoulos & Patrinos (2004) ini ialah wujud sebahagian pekerja yang terpaksa menerima pekerjaan dengan keperluan kelayakan yang lebih rendah daripada kelayakan yang dimiliki yang boleh diterjemahkan sebagai 'terlebih didik' (Alba-Ramirez 1993, Cohn & Khan 1995; Cohn & Ng 2000, Sloane 2002 dan Chevalier & Lindley 2007). Dalam kajian-kajian berkenaan rumusan menarik yang dicapai ialah bagi pekerja yang terlebih didik, pendapatannya adalah lebih rendah berbanding dengan pekerja yang berkelayakan sepadan, iaitu berkelulusan sama dengan keperluan pekerjaan. Implikasi penting di sini ialah telahan teori pelaburan sumber manusia tidak senentiasa benar dan pelaburan terhadap pendidikan bukan lagi merupakan satu-satunya sumber bagi menambahkan pendapatan.

Ujian terhadap fenomena ini bagi kes Malaysia terdapat dalam Zulkifly et al. (2010). Dalam kajian berkenaan, ditunjukkan bahawa peningkatan pelaburan modal manusia tidak hanya menambahkan bilangan pengangguran dalam kalangan mereka yang berpendidikan, tetapi ia turut menyebabkan berlakunya ketaksepadanan pekerjaan. Tegasnya, terdapat dalam kalangan pekerja yang terpaksa menjawat jawatan atau menerima pekerjaan yang lebih rendah daripada kelayakan yang dimiliki. Punca yang menyebabkan fenomena ini berlaku boleh juga disebabkan oleh peningkatan piawaian pengambilan pekerja baru. Ini digambarkan dari hasil implikasi kadar pengangguran yang terus menerus tinggi dalam kalangan pencari kerja lepasan sekolah menengah walaupun pada peringkat berkenaan, kekosongan pekerjaan didapati berlebihan (Zulkifly & Ishak 2008). Perdebatan tentang sama ada

pencari kerja memilih kerja atau majikan memilih pekerja boleh dipanjang dalam penulisan atau kajian lain.

Tetapi, dalam penulisan ini dan dari hasil kajian Zulkifly et al. (2010) menunjukkan ketakepadanan pekerjaan, khususnya yang terlebih didik, terpaksa menanggung penalti. Ini ditunjukkan dari hasil anggaran kadar pulangan pendidikan yang merosot apabila ketakepadanan diambil kira. Oleh sebab nilai penaltinya agak kecil, maka inflasi pendidikan tidak berlaku. Namun kajian susulan terhadap fenomena ini perlu diteruskan bagi menjejaki kemungkinan berlakunya inflasi pendidikan pada masa akan datang. Kajian ini amat penting terutama dalam konteks Malaysia kerana arah aliran semasa menunjukkan semakin meningkat pilihan dibuat dalam kalangan orang ramai bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ini dibuat dengan harapan bahawa pendidikan tinggi akan menjamin masa hadapan dalam bentuk peluang pekerjaan yang lebih cerah dan peluang mendapatkan pulangan yang lebih lumayan. Justeru itu, lebihan pelaburan pendidikan pasti akan berlaku dan masalah ketakepadanan pekerjaan atau terlebih didik juga akan menjadi lebih buruk dan berkemungkinan akan mencetuskan inflasi pendidikan. Oleh itu, sebagai susulan, maka kajian ini dilakukan berasaskan kepada data yang lebih terkini selain daripada menerokai kemungkinan memperbaiki model asas Mincer (1974).

#### PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Sistem pendidikan di Malaysia bermula di sekolah rendah selama 6 tahun. Peringkat umur pelajar yang terlibat ialah antara 6 hingga 12 tahun sebelum pelajar berkenaan melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah rendah untuk selama 3 tahun lagi, iaitu sehingga peringkat sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pada peringkat sekolah menengah sebenarnya pelajar didedahkan dengan pendidikan selama 5 hingga 7 tahun bergantung kepada tingkat kelulusan tertinggi yang ingin dicapai. Lima tahun bagi peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan tujuh tahun bagi Sijil Tinggi Persekolahan.

Mulai tahun 1979, setiap pelajar dijamin untuk mengikuti pendidikan asas minimum selama 11 tahun tanpa penapisan peperiksaan umum dan ia adalah percuma. Bermula pada tahun 2008, pendidikan awam diberikan secara percuma. Yuran peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia serta yuran sekolah menengah dan rendah telah dimansuhkan. Skim Pinjaman Buku Teks juga telah diperluaskan meliputi semua pelajar. Kesemua dasar ini telah membantu mengurangkan kos pembelajaran pihak individu. Sekali gus, adalah dijangka bahawa bilangan pelajar yang akan mengikuti pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi akan meningkat. Dalam masa yang sama, dasar tadi juga telah menyebabkan

peratusan peruntukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dalam sektor pendidikan terus menerus meningkat setiap tahun.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, peningkatan ketara dalam perbelanjaan pendidikan negara bermula sejak tahun 2000 apabila fokus pertumbuhan ekonomi ditumpukan kepada pembangunan sumber manusia. Ini adalah selaras dengan peralihan tumpuan yang diberikan kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi (Malaysia 2001).

JADUAL 1. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan, 1965-2011

Tahun	Perbelanjaan Sektor Pendidikan		Jumlah Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan (RM juta)
	(RM juta)	(%) <sup>1</sup>	
1965	378	16.69	2,265
1970	544	19.83	2,743
1975	1,370	19.43	7,051
1980	2,786	13.22	21,080
1985	4,345	15.97	27,208
1990	6,596	18.47	35,715
1995	10,603	20.94	50,624
2000	20,022	23.70	84,488
2005	23,058	23.59	97,744
2006	25,589	23.76	107,694
2007	30,443	24.73	123,084
2008	36,528	23.80	153,499
2009	39,318	25.00	157,067
2010	38,151	25.07	152,158
2011 <sup>2</sup>	39,940	24.53	162,805

Nota: <sup>1</sup>Peratus daripada jumlah perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan.

<sup>2</sup>Anggaran.

Sumber: Kementerian Kewangan. (pelbagai tahun). *Laporan Ekonomi*. KL: Penerbitan Kerajaan.

Dari segi perincian perbelanjaan pendidikan, bagi peringkat pengajian tinggi pula, iaitu meliputi peringkat Diploma dan Ijazah, pelbagai bantuan telah disediakan termasuklah bantuan kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam. Umpamanya, subsidi sebanyak 90% daripada yuran pengajian bagi setiap kursus di IPTA. Dalam hal ini, pelajar di IPTA hanya perlu membayar 10% sahaja yuran pengajian. Sebagai contoh, untuk pengajian sarjana muda ekonomi di Universiti Putera Malaysia, purata kos seorang pelajar setahun ialah sebanyak RM17,395.00. Tetapi yuran pengajian setahun yang perlu dibayar oleh pelajar adalah sebanyak RM2,052.00 dan bakinya merupakan subsidi dari pihak kerajaan, iaitu sebanyak RM15,307.00 (UPM 2012).

Bantuan kewangan yang lain adalah seperti biasiswa dan pinjaman yang telah disediakan bagi memudahkan pelajar melanjutkan pelajaran. Ini tidak lain kerana

perbelanjaan mengikuti program pengajian di peringkat tinggi memerlukan belanja yang besar. Dalam konteks ini, penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dianggap sebagai suatu usaha terpenting bagi memenuhi tujuan tersebut. Walaupun kemudahan diberikan dalam bentuk pinjaman, sebenarnya turut terlibat di sini ialah bantuan yang disediakan dalam bentuk pengurangan pembayaran kadar faedah yang dikenakan kepada setiap pelajar yang meminjam. Tegasnya, untuk pelajar yang meminjam daripada PTPTN, mereka hanya dikenakan kadar faedah sebanyak 3.0% setahun sedangkan Tabung berkenaan membayar faedah sebanyak 5.0% setahun kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Dengan ini, subsidi kadar faedah sebanyak 2% telah diberikan kepada setiap pelajar yang meminjam daripada PTPTN. Sehingga 2012, sejumlah 1.9 juta pelajar telah menggunakan kemudahan berkenaan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM48 bilion. Berdasarkan angka ini secara purata setiap pelajar meminjam sejumlah RM22,631.58 bagi melengkapkan pengajian masing-masing di IPTA atau di IPTS. Sekali gus, angka ini juga boleh dianggap sebagai anggaran purata perbelanjaan pada peringkat pengajian tinggi bagi seorang pelajar.

Seperti yang disebutkan sebelum ini, semua usaha yang dibuat adalah bertujuan bagi memajukan sistem pendidikan Malaysia. Usaha ini telah menyebabkan perbelanjaan mengurus negara untuk membangunkan sistem pendidikan terus meningkat setiap tahun. Mulai tahun 2009 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 sebelum ini, lebih satu perempat daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus Persekutuan diperuntukkan bagi tujuan memajukan sektor pendidikan negara. Selain kesan terhadap kos pembelajaran, usaha yang dibuat tadi juga telah turut meningkatkan bilangan enrolmen pelajar pada peringkat pengajian tinggi dan juga gunatenaga berpendidikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Bermula dengan tahun 2001, bilangan pekerja yang memiliki kelayakan STPM sehingga peringkat Ijazah tidak lebih daripada 1.4 juta orang atau lebih kurang

15% daripada keseluruhan gunatenaga. Tetapi, dalam tempoh sepuluh tahun kemudian, bilangan ini telah meningkat hampir sekali ganda kepada 24% daripada keseluruhan gunatenaga. Ini merupakan suatu pencapaian yang menunjukkan peningkatan keupayaan negara dalam menyediakan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi. Perkembangan ini diharap dapat membantu Malaysia memajukan ekonomi negara. Situasi ini seiring dengan matlamat Malaysia dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang salah satu matlamatnya adalah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 nanti. Ini kerana seperti yang dikehendaki terdahulu, pendidikan boleh meningkatkan pendapatan melalui peningkatan produktiviti. Persoalannya sekarang adakah apa yang diharapkan ini akan sentiasa benar bukan sahaja kepada negara tetapi juga kepada setiap individu yang berbelanja terhadap pelaburan sumber manusia atau pendidikan? Persoalan ini menjadi lebih penting terutama dalam keadaan pasaran buruh yang menunjukkan peningkatan bilangan pengangguran dalam kalangan yang berpendidikan dan juga peningkatan tempoh masa yang perlu diambil oleh pencari kerja baru untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan (Rubiah *et al.* 2004 dan Zulkifly & Ishak 2008). Tidak kurang penting juga di sini ialah isu yang menjadi persoalan dalam artikel ini, iaitu pulangan terhadap pendidikan. Adakah kadar pulangan semasanya kekal positif atau sebaliknya?

#### MODEL PENYERAHAN KERJA: KELAYAKAN PEKERJA DAN KEPERLUAN PEKERJAAN

Mengikut Teori Modal Sumber Manusia (Becker 1964), pendidikan mempunyai hubungan positif dengan pendapatan atau upah. Pelaburan terhadap pendidikan boleh meningkatkan produktiviti dan sekali gus ia boleh meningkatkan pendapatan. Dengan andaian tertentu, melalui Teori Keluaran Sut Buruh sebagai teori permintaan terhadap buruh (Perلمان 1969), tidak sukar untuk menggambarkan hubungan positif antara produktiviti dengan pendapatan atau upah. Dalam teori berkenaan, produktiviti dan upah tidak hanya berhubungan secara positif tetapi mempunyai hubungan yang agak rapat. Tegasnya, dalam pasaran persaingan sempurna dan hanya upah sebagai kos buruh, majikan yang bertujuan memaksimumkan keuntungan akan hanya menambahkan buruh selagi keluaran sut buruh atau secara purata disebut produktiviti pekerja melebihi upah pekerja. Majikan akan berhenti mengambil pekerja baru apabila kedua-duanya menyamai antara satu sama lain. Dalam proses penyesuaian ini, apabila produktiviti pekerja berubah, maka upah akan berubah mengikut arah yang sama. Akhirnya, apabila setiap kombinasi perubahan tadi disambungkan, ia akan membentuk keluk permintaan terhadap buruh. Sejauhmana hubungan ini benar amat bergantung kepada kebenaran andaian yang

JADUAL 2. Gunatenaga Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi, Malaysia, 2001–2010

Tahun	STPM/Sijil/Diploma/Ijazah ('000)	Jumlah guna tenaga ('000)
2001	1,381.9	9,357.0
2002	1,537.9	9,542.6
2003	1,670.2	9,869.7
2004	2,173.4	9,979.5
2005	1,864.3	10,045.4
2006	1,937.8	10,275.4
2007	2,093.7	10,538.1
2008	2,205.2	10,659.6
2009	2,501.8	10,897.3
2010	2,649.9	11,129.4

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2011

digunakan dalam teori berkenaan, khususnya berkait dengan pemaksimuman keuntungan, sifat pasaran buruh dan pasaran keluaran dan kos buruh termasuk bentuk teknologi pengeluaran.

Bagi melengkapkan gambaran mengikut telahan Teori Modal Manusia, iaitu pendidikan meningkatkan pendapatan, maka hubungan awal antara pendidikan dengan produktiviti juga perlu diwujudkan di sini. Sebenarnya tidak juga sukar bagi menerangkan hubungan berkenaan, terutamanya apabila dikaitkan antara pencapaian pendidikan dengan penambahan kemahiran atau pengetahuan individu. Cuma yang menimbulkan keraguan ialah dalam Teori Modal Manusia (Becker 1964) bagi mendapatkan hubungan positif dan tepat antara pendidikan dengan produktiviti dan akhirnya upah memerlukan andaian kesempurnaan maklumat dalam pasaran buruh. Dengan kata lain, ketaksempurnaan maklumat dalam pasaran buruh boleh menyebabkan ketaksepadanan pekerjaan (*mismatch*). Jika fenomena ini terjadi, maka kelayakan atau kemahiran pekerja tidak akan dapat diguna secara paling berkesan. Dalam hal ini, bukan sahaja produktiviti tetapi pulangan pendidikan mungkin tidak lagi sepadan.

Bagi memudahkan perbincangan, katakan kelayakan pendidikan ( $\Omega_p$ ) boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kelayakan milik pekerja, yang disebut sebagai kelayakan sebenar ( $\Omega_s$ ) dan kelayakan yang diperlukan bagi mengisi sesuatu kekosongan pekerjaan atau disebut kelayakan pekerjaan ( $\Omega_k$ ). Dalam persamaan mudah pendapatan ( $w$ ) Mincer (1974), ia boleh ditulis seperti berikut:

$$\ln w_i = \psi_0 + \psi_1(\Omega_s) + \psi_2(\Omega_k) + \mu \quad (1)$$

Dalam Teori Modal Manusia, diandaikan  $\psi_1 = \psi_2$ , iaitu kelayakan sebenar pekerja menyamai keperluan kelayakan pekerjaan seperti yang diandaikan dalam pasaran buruh yang mempunyai kesempurnaan maklumat. Kesepadanan pekerjaan, iaitu  $\Omega_s = \Omega_k$  atau dalam hal ini simbol yang digunakan ialah  $\Omega_s^*$ , membolehkan model Mincer dibentuk seperti berikut seperti dalam persamaan (2).

$$\ln w_i = \psi_0 + \psi_1(\Omega_s^*) + \mu \quad (2)$$

Hanya dengan ini, maka telahan teori modal manusia akan menjadi sempurna, iaitu pulangan pendidikan meningkat mengikut tingkat pencapaian kelayakan pekerja. Tetapi, pasaran buruh tidak sentiasa sempurna menyebabkan kelayakan sebenar ( $\Omega_s$ ) tidak semestinya menyamai kelayakan pekerjaan ( $\Omega_k$ ) atau  $\psi_1 \neq \psi_2$ . Fenomena ini menimbulkan dua bentuk lain perbezaan kelayakan, iaitu  $\Omega_l = \Omega_s > \Omega_k$  dan  $\Omega_d = \Omega_s < \Omega_k$ . Bentuk pertama disebut lebih kelayakan atau 'terlebih didik' ( $\Omega_l$ ) dan bentuk kedua disebut kurang kelayakan atau 'terkurang didik' ( $\Omega_d$ ). Secara empirik kedua-dua pekali, iaitu  $\psi_1$  dan  $\psi_2$  harus dianggar secara berasingan dan tidak boleh disamakan seperti dalam Teori Modal Manusia

atau dalam penganggaran empirik biasa yang dilakukan dengan menggunakan model asas pendapatan Mincer (1974).

Kedua-dua bentuk perbezaan kelayakan ini timbul disebabkan ketaksepadanan pekerjaan dalam pasaran buruh. Ketaksepadanan ini ditunjukkan dalam persamaan (3).

$$\ln w_i = \psi_0 + \psi_1(\Omega_s^*) + \psi_2(\Omega_l) + \psi_3(\Omega_d) + \mu \quad (3)$$

Sekali lagi dalam teori modal manusia,  $\psi_1 = \psi_2 = \psi_3$ , merupakan suatu andaian yang bersifat amat terbatas. Ini kerana hanya dalam pasaran buruh yang mempunyai kesempurnaan maklumat, maka  $\psi_2 = \psi_3 = 0$ . Bagaimanapun, seperti yang disebutkan terdahulu inilah formula yang diguna pakai dalam model pendapatan Mincer (1974) bagi mendapatkan kadar pulangan terhadap pendidikan, iaitu secara purata. Dalam hal ini, tidak berlaku ketaksepadanan pekerjaan dalam pasaran buruh, iaitu antara tingkat pendidikan dengan upah sebagai proksi bagi gambaran pekerjaan yang sepadan atau antara penawaran dengan permintaan terhadap buruh bagi penentuan upah. Tegasnya, pendidikan yang dimiliki pekerja diguna sepenuhnya secara cekap dalam pekerjaan dan seterusnya menghasilkan upah atau hasil pulangan yang sepadan. Harus dijelaskan bahawa hubungan ini perlu dibezakan dengan hubungan yang dibincangkan sebelum ini, iaitu hubungan antara produktiviti dengan upah yang hanya terbatas kepada permintaan terhadap buruh.

Dalam keadaan ketaksempurnaan maklumat, majikan dianggap jarang mempunyai maklumat lengkap mengenai tingkat produktiviti setiap pekerja atau bakal pekerjanya. Oleh itu, hubungan yang dianggap sepadan yang dijalin antara pendidikan dengan pendapatan melalui tingkat produktiviti tidak mudah untuk dicapai, kecuali dalam bentuk tingkat pendidikan pekerja dijadikan indikator bagi majikan memproksikan kebolehan pekerja seperti yang diutarakan dalam Model Isyarat (Spence 1973 dan Arrow 1973). Tegasnya dalam Model Isyarat sebagai model saingan kepada Teori Modal Manusia, pencapaian pendidikan individu hanya akan dijadikan indikator oleh majikan sebagai petunjuk tentang kebolehan atau keupayaan individu berkenaan. Semakin tinggi pencapaian pendidikan seseorang individu, maka kebolehan individu tadi juga dianggap tinggi dan akhirnya ditawarkan dengan pekerjaan yang berpendapatan tinggi mengikut pencapaian pendidikannya. Andaian utama model ini ialah pendidikan melibatkan kos dan kos ini meningkat bersama-sama dengan peningkatan pendidikan. Kos ini meningkat begitu cepat terutama sekali bagi mereka yang kurang kebolehan (Spence 1973). Akibatnya, individu yang kurang pintar atau berkebolehan rendah mengikut majikan akan tercicir lebih awal dari sistem pendidikan menyebabkan hanya yang berkebolehan berupaya mendapatkan pendidikan tertinggi. Isyarat-isyarat inilah yang diguna pakai oleh

majikan bagi memilih pekerja dan melakukan penjodohan bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ada.

Teori ini juga ada kelemahannya dalam realiti terutama sekali apabila bantuan kewangan untuk pendidikan boleh diperoleh secara mudah dan dengan kos yang murah. Jika fenomena ini disertakan dengan kesedaran dalam kalangan pencari kerja tentang pemilihan penjodohan pekerjaan seperti yang diutarakan dalam Model Isyarat, maka untuk mudah bersaing dalam pasaran buruh, lebih ramai individu akan berlumba-lumba meningkatkan pencapaian pendidikan. Dalam proses penjodohan inilah, fenomena ketaksepadanan pekerjaan mudah terjadi. Tegasnya, apabila penawaran buruh berpendidikan meningkat terlalu pantas akibat perlumbaan meningkatkan pencapaian pendidikan, maka kesukaran mendapatkan pekerjaan akan turut bertambah dan akhirnya akan ada pencari kerja berpendidikan tinggi yang terpaksa menerima pekerjaan walaupun pada tingkat keperluan kelayakan pekerjaan yang lebih rendah. Akibatnya, berasaskan persamaan (3), apabila  $\psi_2 \neq \psi_3 \neq 0$ , maka akan timbul kesan negatif terhadap nilai pendidikan.

Paling banyak yang ditekan dalam soal ketaksepadanan ini ialah fenomena 'terlebih didik' (Duncan & Hoffman 1981; Sicherman 1991; Alba-Ramírez 1991; Cohn & Khan 1995; Cohn & Ng 2000 dan Chevalier & Lindley 2007). Dalam kajian-kajian berkenaan terutamanya yang menggunakan data dari Amerika (Duncan and Hoffman 1981; Sicherman 1991; Cohn and Khan 1995) menunjukkan bahawa fenomena terlebih didik menyebabkan kadar pulangan pendidikan berkurangan berbanding dengan kadar pulangan pendidikan bagi keperluan sepadan. Ini kerana kesepadanan pekerjaan menghasilkan penggunaan buruh, khususnya kemahiran yang mereka miliki dengan lebih cekap. Hasil yang serupa, iaitu kadar pulangan pendidikan merosot apabila wujudnya fenomena terlebih didik ditunjukkan juga dalam beberapa kajian di negara-negara lain dan sebagai sedikit contoh seperti di Sepanyol (Alba-Ramirez 1991), di Hong Kong (Cohn & Ng 2000) dan di United Kingdom (Chevalier & Lindley 2007).

Kajian serupa turut dijalankan di Malaysia dalam konteks pencarian 'inflasi pendidikan' dan hasil yang diperoleh adalah sama, iaitu kadar pulangan pendidikan merosot memandangkan pekali bagi pembolehubah interaksi antara tahun persekolahan dengan ketaksepadanan pekerjaan adalah negatif. Ini merupakan penalti yang terpaksa dibayar pekerja kerana mengisi jawatan yang memerlukan kelayakan yang lebih rendah daripada kelayakan yang dimiliki (Zulkifly Osman et al. 2010). Namun dalam kajian terakhir ini, inflasi pendidikan gagal dikesan. Ini kerana pekali pembolehubah interaksi tadi adalah kecil dan pengiraan kadar pulangan pendidikan masih positif. Adakah ini bermakna bahawa sama ada pihak individu mahupun pihak kerajaan tidak perlu bimbang terhadap perkembangan pesat semasa dalam sistem pendidikan

negara, seperti yang dibincangkan sebelum ini, terutama sekali berkait dengan penambahan bilangan penawaran mereka yang berpendidikan dan peningkatan kos tanggungan beban subsidi pihak negara. Bagaimanapun sebagai tindakan proaktif, sepertimana yang dicadangkan dalam kajian Zulkifly Osman et al. (2010) kajian selanjutnya amat perlu diteruskan bagi menjejaki kemungkinan wujud inflasi pendidikan pada masa hadapan. Inilah cabaran berterusan yang cuba dilakukan dalam penulisan ini.

## DATA & METODOLOGI

Data bagi tujuan penganggaran diperoleh daripada soal selidik yang telah dijalankan secara rambang terhadap pekerja dalam sektor swasta di kawasan selatan Semenanjung Malaysia. Negeri-negeri yang terlibat ialah negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Seramai lebih dari seribu orang pekerja yang terlibat dalam soal selidik ini yang dijalankan pada tahun 2011. Pengutipan data ini merangkumi semua jenis dan tingkat pekerjaan. Setiap pekerja diminta mengisi soal selidik yang merangkumi 5 bahagian utama, iaitu profil responden, pencapaian pendidikan, maklumat pekerjaan sekarang, pengalaman bekerja, maklumat tentang gaji dan faedah pekerjaan dan kecekapan dan kepuasan dalam pekerjaan.

Model asas Mincer (1974) yang telah diubahsuai diguna bagi menganalisis kesan ketakpadanan pekerjaan dalam pasaran buruh terhadap kadar pulangan pendidikan. Untuk tujuan penganggaran, dua model telah dibentuk berasaskan proksi yang berbeza terhadap tingkat pendidikan, iaitu bilangan tahun persekolahan dan tingkat kelulusan. Kedua-dua model, iaitu Model 1 dan Model 2 dapat ditunjukkan seperti berikut,

$$\text{Model 1: } \ln W = \rho_0 + \rho_1 S + \rho_2 EXP + \rho_3 EXP^2 + \rho_4 J + \rho_5(\Omega_l) + \rho_6(\Omega_l)S + \varepsilon$$

$$\text{Model 2: } \ln W = \gamma_0 + \gamma_1 EXP + \gamma_2 EXP^2 + \gamma_3 J + \gamma_4(\Omega_l) + \gamma_5(\Omega_l)D_{mnggh} + \gamma_6(\Omega_l)D_{tinggi} + \gamma_7 D_{mnggh} + \gamma_8 D_{tinggi} + \mu$$

dengan,

$$\begin{aligned} \ln W &= \log \text{ upah kasar} \\ S &= \text{tahun bersekolah} \\ EXP &= \text{tahun pengalaman bekerja} \\ J &= \text{dumi jantungina} \\ (\Omega_l) &= \text{dumi terlebih didik} \\ D_{mnggh} &= \text{dumi sekolah menengah} \\ D_{tinggi} &= \text{dumi pendidikan tinggi} \end{aligned}$$

Dalam setiap model dimasukkan pembolehubah baru, iaitu ketaksepadanan pekerjaan. Dalam penulisan ini tumpuan hanya diberikan terhadap ketaksepadanan pekerjaan dalam bentuk terlebih didik ( $\Omega_l$ ). Ini berasaskan

andaian bahawa bagi yang terkurang didik ( $\Omega_d$ ), ia boleh berlaku disebabkan perbezaan pengalaman. Melalui proses kenaikan pangkat, setiap individu berpeluang menjawat jawatan yang lebih tinggi walaupun kelayakan pendidikannya rendah.

Dalam Model 1, upah kasar individu ( $W$ ) diperoleh berdasarkan kepada upah kasar yang diterima responden. Bilangan tahun persekolahan ( $S$ ) diguna bagi mendapatkan kadar pulangan pendidikan. Pembolehubah ini diperoleh dengan menggunakan bilangan tahun yang dihabiskan oleh individu bagi mendapatkan pendidikan. Seperti yang disebutkan terdahulu, tempoh atau bilangan tahun individu berada dalam sistem pendidikan adalah bergantung kepada tahap pendidikan yang cuba dicapai. Umpamanya, tahap pendidikan untuk sekolah rendah (UPSR) ialah selama 6 tahun. Selepas itu, individu berkenaan terpaksa mengikuti 3 tahun lagi persekolahan bagi memenuhi keperluan tempoh untuk sekolah menengah rendah sebelum menduduki atau memperoleh kelulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pendidikan ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Sijil Matrikulasi, memerlukan pelajar berada dalam sistem pendidikan untuk tempoh masing-masingnya selama 11 dan 13 tahun. Peringkat diploma dan ijazah atau peringkat pengajian tinggi, memerlukan tambahan tempoh masa belajar masing-masingnya selama 2 hingga 4 tahun lagi.

Oleh sebab kesukaran mendapatkan tahun sebenar pengalaman bekerja, maka proksi diguna bagi mengukur pengalaman bekerja individu. Pengukuran bagi pengalaman ( $EXP$ ) bekerja dianggarkan berasas kepada hasil tolak umur semasa responden dengan bilangan tahun yang dihabiskan dalam sistem pendidikan beserta enam tahun sebagai tempoh umur sebelum memasuki alam persekolahan. Pembolehubah pengalaman kerja kuasa dua ( $EXP^2$ ) diwujudkan bagi melihat kemungkinan berlakunya hukum pulangan bertambah kurang bagi setiap peningkatan pengalaman bekerja. Tegasnya, jika nilai pekali pengalaman bekerja ganda dua negatif, maka ini bermakna peningkatan pengalaman secara berterusan tidak menjanjikan upah untuk terus meningkat. Dalam hal ini, mungkin faktor yang lebih dominan ialah faktor kekuatan fizikal dan mental. Faktor ini, yang dikaitkan dengan usia yang semakin lanjut mempunyai pengaruh negatif terhadap produktiviti dan seterusnya terhadap pendapatan atau upah pekerja.

Selain itu, dalam model yang sama, faktor jantina juga diambil kira dalam penentuan pendapatan. Ini kerana terdapatnya kajian yang menunjukkan wujudnya faktor diskriminasi yang boleh menyebabkan perolehan kedua-dua kumpulan ini tidak sama (Yen 1984 dan Rahmah & Zulridah 2005). Dumi digunakan bagi pembolehubah ini. Dalam hal ini, dumi jantina ( $J$ ) bersamaan dengan 1 adalah lelaki dan sebaliknya sifar adalah wanita.

Dalam Model 2 pula, proksi bagi pendidikan ditukar kepada tahap pencapaian pendidikan. Tiga peringkat pencapaian pendidikan digunakan dalam model ini.

Peringkat rendah yang mewakili kelulusan peringkat UPSR dan PMR. Peringkat kelulusan ini diguna sebagai kumpulan asas untuk perbandingan. Peringkat menengah terdiri daripada peringkat SPM dan STPM atau lulusan Matrikulasi. Peringkat tinggi terdiri daripada lulusan Diploma dan Ijazah termasuk mereka yang berkelulusan lebih tinggi daripada itu. Dengan ini hanya dua dumi yang akan digunakan, iaitu masing-masingnya peringkat sekolah menengah ( $D_{mngh}$ ) dan peringkat pengajian tinggi ( $D_{tgg}$ ). Setiap satunya akan diberikan nilai 1 sementara peringkat rendah yang menjadi asas perbandingan di sini akan mengambil nilai sifar.

Bagi menguji kesan ketaksepadanan pekerjaan akibat terlebih didik terhadap pulangan pendidikan, pendekatan pengukuran yang digunakan adalah berasaskan jawapan yang diberikan oleh setiap responden berhubung dengan soalan ketaksepadanan pekerjaan. Apabila jawapan yang diterima menunjukkan kelayakan yang dimiliki responden melebihi kelayakan yang diperlukan dalam pekerjaan, maka pembolehubah dumi terlebih didik ( $\Omega_l$ ) = 1. Sementara itu, dumi ( $\Omega_l$ ) = 0 menunjukkan kelayakan sepadan antara kelayakan milik responden dengan keperluan kelayakan dalam pekerjaan. Ini merupakan kes khas bagi Model Mincer (1974) seperti yang ditunjukkan dalam persamaan (2) sebelum ini. Tanda pekali bagi ketaksepadanan pekerjaan yang dianggar secara berasingan boleh berbentuk negatif dan boleh juga positif. Jika tandanya negatif, bermakna terlebih didik menyebabkan pendapatan atau upah pekerja merosot dan sebaliknya.

Bagaimanapun, pembolehubah penting yang ingin diuji di sini ialah pembolehubah interaksi antara terlebih didik ( $\Omega_l$ ) dengan tahun persekolahan ( $S$ ) (Model 1) atau interaksi antara ( $\Omega_l$ ) dengan dumi bagi tingkat-tingkat kelulusan yang berbeza (Model 2). Nilai pekali bagi setiap pemboleh ubah ini amat penting bagi menentukan kesan ketaksepadanan pekerjaan, khususnya terlebih didik terhadap kadar pulangan pendidikan.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Seperti yang disebutkan terdahulu data yang diguna bagi tujuan penganggaran diperoleh daripada soal-selidik terhadap 1,117 orang pekerja dari negeri-negeri di selatan Semenanjung Malaysia dengan agihan 40 peratus di Johor, 40 peratus di Melaka, dan 20 peratus Negeri Sembilan. Agihan responden mengikut taraf kelayakan dan jantina ditunjukkan dalam Jadual 3.

Agihan responden yang terlibat mengikut jantina ialah 53.4 peratus wanita dan 46.5 peratus lelaki. Agihan yang melibatkan lebih ramai pekerja wanita diperoleh kerana sampel pilihan banyak melibatkan sektor perkhidmatan pada peringkat pekerjaan bawahan terutama sebagai jurujual, khidmat pelanggan dan kerani. Sebahagian besar responden memiliki kelulusan SPM (45.57%). Ini diikuti dengan kelulusan Diploma (21.48%)

JADUAL 3. Taraf Pendidikan Mengikut Jantina

Taraf Pendidikan	Jantina responden		Jumlah
	Wanita	Lelaki	
UPSR dan ke bawah	8 (0.71%)	17 (1.52%)	25 (2.23%)
PMR	25 (2.24%)	48 (4.30%)	73 (6.54%)
SPM	262 (23.46%)	247 (22.11%)	509 (45.57%)
STPM/Matrik	67 (5.99%)	39 (3.49%)	106 (9.48%)
Diploma	124 (11.10%)	116 (10.38%)	240 (21.48%)
Ijazah dan ke atas	111 (9.94%)	53 (4.74%)	164 (14.68%)
Jumlah	597 (53.44%)	520 (46.54%)	1,117 (100%)

Sumber: Soal selidik 2011.

dan ijazah (14.68%). Seperti yang disebutkan terdahulu, hasil peningkatan pendidikan menyebabkan bilangan responden yang memiliki kelulusan rendah berkurangan. Sampel kajian yang melibatkan kelulusan peringkat UPSR hanya sebanyak 2.23 peratus.

Pengujian utama kajian ini ialah maklumat tentang ketaksepadanan pekerjaan. Maklumat yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Ketaksepadanan Pekerjaan Mengikut Jantina

Jantina	Ketaksepadanan Pekerjaan (Terlebih didik)		Jumlah
	$(\Omega_1) = 1$	$(\Omega_2) = 0$	
Lelaki	85 (7.61%)	435 (38.94%)	520 (46.55%)
Wanita	119 (10.65%)	478 (42.79%)	597 (53.44%)
JUMLAH	204 (18.26%)	913 (81.73%)	1117 (100%)

Sumber: Soal selidik 2011.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4, memang wujud ketaksepadanan pekerjaan dalam kawasan kajian. Bilangan pekerja atau responden yang terlibat adalah seramai 204 orang atau 18.26 peratus daripada keseluruhan responden. Peratusan ini hampir sama seperti yang ditemui dalam kajian Zulkifly Osman et al. (2010). Lebih ramai pekerja wanita berbanding dengan pekerja lelaki yang terlibat dengan isu ketaksepadanan pekerjaan. Daripada keseluruhan pekerja yang terlibat dengan ketaksepadanan pekerjaan (terlebih didik), lebih daripada separuh adalah terdiri dari responden wanita. Dua implikasi penting yang timbul di sini. Pertama, perbezaan ini mungkin disebabkan wujudnya amalan diskriminasi terhadap wanita dalam pasaran buruh. Tegasnya, bagi mengisi kekosongan sesuatu pekerjaan, pekerja wanita diperlukan memiliki kelayakan pendidikan yang lebih tinggi berbanding dengan lelaki. Kedua, pekerja wanita kurang memilih dari segi pekerjaan. Ini tidak lain kerana pada zahirnya wanita tidak begitu bebas bergerak dalam pasaran buruh (Yen 1984 dan Rahmah & Zulridah 2005).

Jadual 5 menunjukkan keputusan penganggaran OLS bagi Model 1 dan Model 2. Pembolehubah pendidikan, pengalaman, dan jantina menunjukkan nilai yang signifikan dan mempunyai tanda seperti yang dijangkakan. Umpamanya, bagi pembolehubah tahun bersekolah (Model 1) menunjukkan apabila pendidikan meningkat, pendapatan juga turut meningkat. Dalam kes ini, bagi setiap tahun peningkatan persekolahan (Model 1) akan menghasilkan secara purata peningkatan pendapatan sebanyak 6.2 peratus.

Pengalaman bekerja juga mempunyai kesan yang serupa ke atas pendapatan. Pendapatan akan meningkat apabila pengalaman bertambah. Bagaimanapun, ia tertaklok kepada hukum pulangan bertambah kurang. Ini kerana pekali bagi pembolehubah pengalaman ganda dua mempunyai tanda negatif. Dumi jantina bertanda positif menunjukkan purata pendapatan lelaki adalah lebih tinggi berbanding dengan wanita. Rumusan yang sama dicapai bagi pembolehubah serupa dalam Model 2. Cuma bagi tingkat kelulusan, didapati hanya pada peringkat pengajian tinggi sahaja wujudnya perbezaan pendapatan. Tegasnya, berbanding dengan lain-lain tingkat kelulusan, bagi mereka yang berpendidikan tinggi, pendapatannya akan meningkat sebanyak 47.9 peratus.

Bagaimanapun, hasil penganggaran yang paling penting bagi kajian ini ialah pembolehubah ketaksepadanan pekerjaan, khususnya dirujuk kepada fenomena terlebih didik. Merujuk kepada Model 1, pembolehubah ketaksepadanan pekerjaan ( $W_1$ ) menunjukkan tiada kesan kepada pendapatan. Namun begitu, pembolehubah interaksi antara tahun persekolahan dengan ketaksepadanan pekerjaan ( $(W_1)S$ ) menunjukkan keputusan yang signifikan. Mamandangkan tandanya adalah negatif, maka ketaksepadanan boleh menyebabkan kadar pulangan terhadap pendidikan berkurang. Apabila diambil kebedaan bagi fungsi pendapatan Model 1, antara pendapatan dengan tahun persekolahan ( $d$  (In  $W$ )/ $d$  (S)) didapati wujud pengurangan kadar pendidikan sebanyak 13.3 peratus. Implikasinya, tidak seperti kajian terdahulu (Zulkifly et al. 2010), didapati disebabkan wujudnya fenomena terlebih didik menyebabkan bukan



JADUAL 5. Hasil Anggaran Fungsi Pendapatan Model 1 dan Model 2

	Model (1)	Model (2)
Konstan	6.228 (0.1201)***	6.902 (0.0887)***
Tahun bersekolah (S)	0.062 (0.0073)***	-
Pengalaman (EXP)	0.017 (0.0052)***	0.013 (0.0051)*
Pengalaman kuasa dua (EXP <sup>2</sup> )	-0.001 (0.0001)	-0.000 (0.0001)
Jantina (J)	0.184 (0.0373)***	0.158 (0.0374)***
Terlebih didik ( $\Omega_i$ )	0.171 (0.1151)	-0.004 (0.1737)
( $\Omega_i$ )S	-0.195 (0.0741)**	-
( $\Omega_i$ )D <sub>mnggh</sub>	-	0.099 (0.1892)
( $\Omega_i$ )D <sub>tinggi</sub>	-	-0.263 (0.1872)
Sek menengah	-	0.115 (0.0806)
Pengajian tinggi	-	0.479 (0.0893)***
$R^2$ terselaras	0.0752	0.0749
Saiz sampel	1117	1117

Nota: Angka dalam kurungan ialah nilai *t statistic*.

\*,\*\*dan\*\*\* signifikan pada aras keertian 1% ,5%, dan 10%

sahaja kadar pulangan pendidikan merosot, tetapi ia turut menghasilkan inflasi pendidikan. Bagaimanapun, rumusan ini tidak tergambar dalam Model 2. Ini kerana pembolehubah interaksi antara terlebih didik dengan dumi kelulusan pengajian tinggi tidak signifikan walaupun tandanya adalah negatif. Tegasnya, secara lebih khusus, tidak wujud petunjuk bagi mengenal pasti pada tingkat pendidikan manakah kesan terlebih didik menyebabkan berlakunya inflasi pendidikan. Implikasinya, kajian susulan dengan data yang lebih lengkap dan menyeluruh amat perlu dilakukan pada masa hadapan. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa kegagalan kajian terdahulu bagi mengambil kira isu ketaksepadanan pekerjaan boleh menyebabkan hasil anggaran terhadap pulangan pendidikan menjadi terlebih anggar.

## RUMUSAN

Hasil soal selidik menunjukkan berlaku fenomena ketaksepadanan pekerjaan dalam pasaran buruh. Hasil penganggaran terhadap fenomena ini berasaskan ubahsuai model pendapatan Mincer (1974) pula menunjukkan bahawa kadar pulangan terhadap pendidikan merosot dan menjadi negatif dan boleh diterjemahkan sebagai potensi berlakunya inflasi pendidikan. Implikasinya, penganggaran selama ini yang dibuat terhadap kadar pulangan pendidikan mungkin terlebih anggar. Ini menyebabkan perancangan teliti terhadap pendidikan tidak diberi perhatian serius. Tegasnya, walaupun pelaburan dalam pendidikan amat perlu dalam membangunkan modal manusia bagi

menghasilkan pekerja berkualiti di Malaysia, namun perancangan terhadapnya harus dibuat dengan lebih teliti memandangkan wujudnya ketidaksepadanan pekerjaan yang seolah-olah sudah menjadi fenomena kekal dalam pasaran buruh Malaysia. Hal ini dilihat lebih serius dalam kalangan pekerja yang berpendidikan tinggi. Pelaburan berlebihan dalam pendidikan terutamanya tanpa melibatkan perancangan yang rapi atau dibuat secara 'ad hoc' tidak hanya boleh menambahkan penganggur berpendidikan, tetapi boleh turut menghasilkan ketaksepadanan pekerjaan dalam pasaran buruh. Senario paling buruk mengenai perkara terakhir wujud apabila pekerja terpaksa menerima pekerjaan dengan keperluan kelayakan yang lebih rendah daripada kelayakan yang dimiliki yang boleh diterjemahkan sebagai 'terlebih didik'.

Implikasi lain hasil kajian ini menunjukkan perlu ada tindakan segera terutama dalam menawarkan peluang pelajaran pada peringkat tertinggi. Universiti awam dan universiti swasta haruslah melihat kepada permintaan dan keperluan pekerjaan terlebih dahulu sebelum menawarkan atau menetapkan jumlah pelajar untuk satu-satu bidang tertentu. Langkah yang dirasa boleh membantu menangani masalah ini, ialah pertama, tingkatkan usaha menghubungkan pendidikan dengan keperluan dalam pasaran seperti yang dijalankan melalui latihan industri. Kedua, semua pihak dan tidak hanya terbatas kepada pihak kerajaan, harus dilibatkan sama dalam proses membina perancangan pendidikan dan ia perlu melibatkan semua peringkat pengajian. Ketiga, nasihat berhubung dengan pemilihan pekerjaan harus diterapkan kepada pelajar seawal mungkin semasa mereka masih berada dalam sistem pendidikan.

## RUJUKAN

- Alba-Ramirez, A. 1993. Mismatch in the Spanish labor market. Overeducation? *Journal of Human Resources* 28(2): 259-278.
- Ashenfelter, O. & Krueger, A. B. 1994. Estimates of the economic return to schooling from a new sample of twins. *Quarterly Journal of Economics* 84(5):1157-73
- Arrow, K. J. 1973. Higher education as a filter. *Journal of Public Economics* 2: 193-216.
- Becker, G. S. 1964. *Human Capital*. New York: National Bureau of Economic Research.
- Blau, D. M. 1986. Self-employment, earnings and mobility in Paninsular Malaysia. *World Development* 14(17): 839-852.
- Brunello, G. & Comi, S. 2004. Education and earnings growth: evidence from 11 European Countries. *Economics of Education Review* 23:75-83.
- Chevalier, A. & Lindley, J. 2007. *Over-Education and the Skills of UK Graduates*. London: Centre for the Economics of Education (CEE DP) 79, London School of Economics.
- Card, D. 1979. *The Economics of Education*. Cambridge: Ballinger.
- \_\_\_\_\_. & Krueger, A. 1992. Does school quality matter? returns to education and the characteristics of public schools in the United States. *Journal of Political Economy* 100 (1):1-40.
- \_\_\_\_\_. 1995. Earnings, schooling, and ability revisited. In *Research in Labor Economics*, edited by Polachek, 23-48. Greenwich, Conn: JAI Press.
- \_\_\_\_\_. 1999. The Causal Effect of Education on Earnings. In *Handbook of Labor Economics*, edited by Orley Ashenfelter & David Card. Amsterdam: North Holland.
- Chung, T. P. 2000. *The Returns to Education and Training: Evidence From the Malaysian Family Life Surveys*. England: Department of Economics, University of Kent at Canterbury.
- \_\_\_\_\_. 2003. Returns to education: updates for Malaysia. *Applied Economics Letters* 10: 837-841.
- \_\_\_\_\_. 2004. The returns to education over time: The Malaysian outlook, 1984-1997. *Bulletin of Higher Education Research* 4:4-7.
- Cohn, E. & Khan, S. P. 1995. The wage effects of overschooling revisited. *Labour Economics* 2: 67-76.
- \_\_\_\_\_. & Y.C. Ng. 2000. Incidence and wage effects of overschooling and underschooling in Hong Kong. *Economics of Education Review* 19: 159-168.
- Duncan, G. & Hoffman, S. 1981. The incidence and wage effects of overeducation. *Economics of Education Review* 1: 75-86.
- Duraisamy, P. 2002. Changes in returns to education in India, 1983-94: By gender, agecohort and location. *Economics of Education Review* 21: 609-622.
- Garcia-Mainar, I. & Montuenga-Gomez, V. 2005. Education returns of wage earners and self-employed workers: Portugal vs. Spain. *Economics of Education Review* 24:161-170.
- Hawley, J. D. 2004. Changing returns to education in times of prosperity and crisis, Thailand 1985-1998. *Economics of Education Review* 23: 273-286.
- Hoerr, O. D. 1973. Education, income and equity in Malaysia. *Economic Development and Cultural Change* 21(2): 247-273.
- Idrus, A. & Cameron, S. 2000. Returns to education between the self-employed and employed sectors: Evidence from Malaysia. *The Pakistan Development Review* 39(4): 263-268.
- Johnson, E. N. & Chow, G. C. 1997. Rates of return to schooling in China. *Pacific Economics Review* 2(2): 101-113.
- Lee, K. H. 1980. Screening, ability and the productivity of education in Malaysia. *Economic Letters* 5:72-83.
- \_\_\_\_\_. 1989. *Report of the reverse tracer study of workers*. International Labour Organisation & Government of Malaysia. Module IV: Education and Training Module. Malaysian Human Resources Development Planning Project.
- \_\_\_\_\_. & A. Sivananthiran, 1992. *Employment, occupational mobility and earnings in the Kuala Lumpur urban labour market with special reference to women in the manufacturing sector*. International Labour Organisation/Asian Regional Team for Employment Promotion (ARTEP).
- \_\_\_\_\_. et al. 1995. *Economic policies, human resource development and economic development in Malaysia*. KL: Universiti Malaya (unpublished).
- Li, Haizheng. 2003. Economics transition and returns to education in China. *Economics of Education Review* 22: 317-328.
- Liu, Z. 1998. Earnings, education and economic reforms in urban China. *Economic Development and Cultural Change* 46(4): 697-725.
- Malaysia, Jabatan Statistik Malaysia. (pelbagai tahun). *The Labor Force Survey*. Kuala Lumpur: Jabatan Statistik Malaysia.
- \_\_\_\_\_. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (pelbagai Tahun). *Laporan Tahunan Kementerian Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Mincer, J. 1974. *Schooling, Experience and Earnings*. New York: Columbia University Press.
- Patrinos, H. A. & George Psacharopoulos. 2010. Returns to education in developing countries. *International Encyclopedia of Education*, Oxford, England: Elsevier. Ltd., 111-134.
- Perlman, R. 1969. *Labor Theory*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Psacharopoulos, G. 1981. Returns to education: an updated international comparison. *Comparative Education* 1(6): 321-341.
- \_\_\_\_\_. 1985. Returns to education: a further international update and implications. *The Journal of Human Resources* 20: 583-604.
- \_\_\_\_\_. & Patrinos, H. A. 2004. Returns to investment in education: a further update. *Education Economics* 12(2): 111-134.
- Rahmah, I. & M. N. Zulridah. 2005. Gender wage differentials in the Malaysian manufacturing sector. *Journal of Economics & Management* 13(2):119-37.
- \_\_\_\_\_, M. N. Zulridah & I. Noris Fatilla. 2011. Impak latihan terhadap perbezaan upah antara bandar terpilih di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 45(Dis.): 41-51.
- Rubiah et al. 2004. Laporan penyelidikan Kajian Graduan UKM dan Kebolehpasaran Pekerjaan (11/002/2003), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruppert, E. 1998. Managing foreign labor in Singapore and Malaysia: Are there lessons for GCC countries?

- Policy Research Working Paper 2053, The World Bank, (February).
- Siphambe, H. K. 2000. Rates of return to education in Botswana. *Economics of Education Review* 19: 291-300.
- Sicherman, N. 1991. Overeducation in the Labour market. *Journal of Labour Economics* 9(2):101-122.
- Sloane, P. J. 2002. Much a do about nothing? What does the overeducation literature really tell us? Keynote Address at International Conference on Over-education in Europe: What Do We Know?. Netherland: Maastricht University.
- Spence, M. 1973. Job market signaling. *Quarterly Journal of Economics* 87: 355-374.
- Trostel, P., Walker, I. & Woolley, P. 2002. Estimates of the economic return to schooling of 28 countries. *Labour Economics* 9: 1-16.
- Universiti Putera Malaysia. 2012. Subsidi yuran di UPM. <http://bursar.upm.edu.my/skp/purata.pdf>.
- Yen, C. Y. 1984. Wage discrimination by sex in Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 10 (Dis.):57-77.
- Zulkify Osman & Ishak Yussof. 2008. Dasar dan masalah guna tenaga di Malaysia: Pengalaman khusus isu pekerja asing dan penganggur siswazah. *Jurnal Tepak Manajemen Bisnis* 1(1):3-24.
- \_\_\_\_\_, Ishak Yussof & Abu Hassan Shaari Mohd Nor. 2010. Inflasi pendidikan mengikut ketentuan dalam pasaran buruh Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 44: 61-71.

Zulkify Osman\*  
Hazrul Izuan Shahiri\*\*  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi Selangor  
MALAYSIA  
\*zosman@ukm.my  
\*\*hizuan@ukm.my

